

# Penyata Pengerusi

## Tinjauan Menyeluruh

Kumpulan telah mengharungi tahun yang mencabar dengan persaingan yang sengit sehingga mengakibatkan pengurangan unit jualan dan pendapatan. Berikutan pertimbangan tentang kedudukan strategik Kumpulan, fokus baharu untuk meningkatkan keuntungan dan pelaburan dalam rangkaian untuk mempertingkatkan pengalaman pelanggan.

## Prestasi

Perolehan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 menurun sebanyak 4% kepada RM1.4 bilion. Secara keseluruhan kerugian bersih sebanyak RM12.5 juta selepas mengambilkira pendapatan dividend sebanyak RM11.2 juta daripada pelaburan dalam Mercedes-Benz Malaysia ("MBM"), berbanding keuntungan bersih keseluruhan berjumlah RM38.4 juta pada tahun 2016.

Operasi perdagangan Mercedes-Benz berhadapan dengan persaingan sengit pada tahun ini dan mengalami kerugian sebanyak RM23.7 juta bagi 2017, berbanding keuntungan RM27.2 juta pada 2016. Jualan unit 10% lebih rendah dan margin juga telah berkurang. Permintaan terhadap model utama juga lebih rendah, dengan peralihan dalam campuran model daripada S-Class kepada C, GLA dan GLC-Class yang mempunyai margin yang lebih rendah. Sementara itu, permintaan terhadap CKD E-Class juga lebih rendah daripada jangkaan. Penurunan pendapatan dijejaskan lagi oleh kerugian yang dialami oleh Kumpulan akibat kejadian banjir di Pulau Pinang yang julung kali berlaku, tertakluk kepada tuntutan pampasan daripada penginsuran Kumpulan. Perbelanjaan operasi juga telah meningkat. Bahagian selepas jualan Kumpulan terus menampilkan keputusan yang baik, selepas mendapat manfaat daripada bilangan kereta diservis yang semakin meningkat.

Hutang bersih Kumpulan meningkat kepada RM216.3 juta pada akhir Disember 2017, berbanding RM100.4 juta pada akhir 2016, disebabkan terutamanya oleh keperluan modal kerja yang lebih tinggi dan tanah yang dibeli untuk pembangunan bagi bilik pameran baharu di Kuala Lumpur.

Tiada dividen interim yang diisytiharkan pada tahun ini (2016:Tiada) dan memandangkan keadaan perdagangan semasa dan pelaburan untuk membangunkan perniagaan, Lembaga Pengarah tidak mengesyorkan dividen akhir (2016: 5 sen sesaham) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

## Penghargaan

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pasukan pengurusan dan kakitangan atas dedikasi dan kegigihan yang ditampilkan dalam tempoh yang sangat sukar ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para pelanggan, pemegang saham dan rakan perniagaan atas sokongan mereka yang berterusan.

## Prospek

Keadaan perdagangan dijangka kekal mencabar pada tahun akan datang kerana keadaan ekonomi yang tidak menentu sekarang, dijangka akan berterusan. Pelbagai langkah sedang diambil untuk mempertingkatkan keuntungan dalam tempoh sederhana dengan komitmen pelaburan dalam modal insan, sistem dan tapak yang diperlukan.

## Haslam Preston

Pengerusi  
28 Februari 2018